

30 OCT, 2025

Kesan perjanjian timbal balas terhadap Malaysia

Sinar Harian, Malaysia



Oleh KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

Kesan perjanjian timbal balas terhadap Malaysia

Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) melakar lembaran baharu pengukuhan ekonomi dua hala apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump menandatangani Perjanjian Perdagangan Timbal Balas antara dua negara.

Perjanjian baharu itu dilihat membuka pasaran baharu kepada 1,711 produk Malaysia untuk menembusi AS termasuk getah, minyak sawit dan komponen aeroangkasa.

Bagaimanapun, inti pati perjanjian berkenaan hakikatnya menimbulkan persoalan besar sama ada ia benar-benar memberi untung strategik atau berisiko menyebabkan Malaysia terperangkap dalam jerat ekonomi bahu-dunia.

Sehubungan itu, Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Norsyahrin Hamidon menggesa kerajaan supaya memperincikan secara terbuka justifikasi di sebalik setiap butiran dalam perjanjian perdagangan timbal balas yang dimeterai antara Malaysia dan AS, bagi mengelak sebarang kesan yang boleh menjejaskan kedaulatan serta kepentingan ekonomi negara.

Sebagai contoh, katanya, merujuk klausa 6.2 (1) (b) di mana Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz perlu menjelaskan klausa menyentuh peranan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) di Malaysia.

Jelasnya, terdapat terma perjanjian ini mewajibkan Malaysia memastikan semua syarikat pelaburan milik kerajaan seperti Khazanah Nasional Berhad, Petronas, Tenaga Nasional dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) berurusan niaga seperti syarikat komersial swasta apabila menjalankan aktiviti perniagaan.

"Butiran perjanjian itu menyatakan GLC dan GLIC tidak boleh mendiskriminasi barangan atau perkhidmatan dari AS dan perlu melayan pembekal AS sama rata seperti pembekal tempatan."

"Kerajaan juga tidak boleh memberi bantuan bukan komersial atau subsidi kepada GLC dan GLIC kecuali untuk tujuan khidmat awam."

"Ini bermaksud sekiranya Petronas, PNB atau TNB ingin membuka tender komersial, mereka tidak boleh lagi memberikan keutamaan kepada syarikat tempatan atau Bumiputera dan senario itu boleh dianggap AS sebagai diskriminasi terhadap syarikat negara mereka dan melanggar klausa 6.2 (1) (b)," jelasnya.

Menurut Norsyahrin, klausa tersebut dengan jelas menyebut bahawa Malaysia perlu memastikan medan persaingan yang adil bagi syarikat-syarikat AS dan tidak mendiskriminasi barangan atau perkhidmatan AS.

Akibatnya, beliau bimbang AS boleh



Anwar (kanan) dan Trump ketika menandatangani dokumen Perjanjian Perdagangan Timbal Balas Malaysia-AS di Kuala Lumpur pada Ahad.



ANALISIS



membuat aduan rasmi di bawah Artikel 7 (*Dispute Resolution*), menuntut Malaysia menarik balik syarat tender itu atau mengubah dasar yang dianggap tidak selaras dengan pertimbangan komersial.

"Klausa ini bakal menghadkan kebebasan Malaysia menggunakan GLC dan GLIC sebagai alat dasar ekonomi dan sosial."

"Klausa ini secara langsung menghalang dasar pemerikasaan ekonomi tempatan dan Bumiputera serta menghadkan kuasa Malaysia untuk menentukan dasar industri melalui GLC dan GLIC," tegasnya.

Pada masa sama, Norsyahrin menimbulkan persoalan sama ada perjanjian perdagangan baharu itu mungkin bercanggah atau bertindih dengan komitmen Malaysia dalam beberapa perjanjian perdagangan lain seperti Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau (RCEP), Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) dan BRICS.

"Ini semua mesti diperhalusi sehabis-habisnya dan wajib ada *exit clause* yang tidak menjual kedaulatan negara," ujarnya.

Norsyahrin juga meminta agar kerajaan mendedahkan jumlah sebenar syarikat yang terkesan dengan kenaikan tarif 19 peratus sehingga Malaysia terpaksa memberikan komitmen membeli 30 pesawat Boeing dengan kos AS\$9.5 bilion (RM39.8 bilion).

"Adakah berbaloi komitmen yang



NORSYAHIRIN



NOOR AZLAN

diberikan oleh kerajaan berbanding dengan syarikat yang terkesan secara langsung dengan tarif 19 peratus tersebut? Ini kerana hampir 95 peratus syarikat di Malaysia adalah perusahaan mikro, kecil dan sederhana serta tidak terlibat dengan eksport ke AS," ujarnya.

Rasional ekonomi

Sementara itu, Pengarah Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia (MINDA-UKM), Profesor Tan Sri Noor Azlan Ghazali berpandangan, perjanjian perdagangan ini hakikatnya menimbulkan persoalan asas tentang keseimbangan dan rasional ekonomi di sebaliknyanya.

Dalam perjanjian diumumkan di laman sesawang White House sejurus selepas ditandatangani, Malaysia bersetuju memberikan akses pasaran istimewa kepada barangan perindustrian dan pertanian AS termasuk bahan kimia, jentera, logam, kenderaan, tenusu, produk hortikultur, ayam, beras dan etanol bahan api.

Sebagai timbal balik, AS mengekalkan tarif 19 peratus terhadap barangan asal Malaysia, dengan angka terkini

1,711 produk Malaysia dikecualikan cukai import termasuklah antaranya getah, minyak sawit, koko, farmaseutikal, komponen pesawat dan alat ganti yang dianggarkan bernilai AS\$5.2 bilion (RM21.85 bilion).

Dari kaca mata ekonomi semata-mata, Noor Azlan melihat perjanjian ini mengetengahkan ciri hubungan 'monopsoni', keadaan di mana sebuah negara kecil seperti Malaysia berurusan dengan pembeli gergasi yang mempunyai kuasa tawar-menawar jauh lebih besar.

"Secara zahirnya, perjanjian ini tampak tidak seimbang kerana Malaysia memberikan lebih banyak konsesi berbanding pihak satu lagi."

"Pengumuman mengenai tarif timbal balas oleh AS pula menunjukkan strategi yang menyasarkan negara-negara yang mempunyai defisit perdagangan dengan mereka."

"Pendekatan ini juga yang boleh ditafsir sebagai percubaan politik ekonomi untuk 'membetulkan' angka perdagangan, bukan memperkukuh asas daya saing sebenar," katanya.

Menurut Noor Azlan, terdapat juga persoalan sama ada perdagangan antarabangsa harus dianggap baik hanya apabila ia 'seimbang' dan adakah 'seimbang' itu benar-benar menggambarkan keadaan ekonomi.

"Kita juga perlu meneliti punca defisit itu. Adakah ia berpunca daripada amalan perdagangan tidak adil oleh Malaysia atau kerana Malaysia mempunyai kelebihan daya saing dalam produk tertentu seperti getah, minyak sawit atau elektronik?"

"Jika begitu, mengapa pihak yang lebih cekap perlu mengalah semata-mata bagi mengurangkan defisit negara lain?" jelasnya lagi.

Lebih membimbangkan, Noor Azlan turut mendedahkan kewujudan laporan bahawa Malaysia bersetuju untuk meningkatkan pembelian produk AS.

Bagaimanapun, beliau berpandangan perjanjian perdagangan sepatutnya memfokus kepada pengukuhan aliran dagangan, bukan menetapkan komitmen pembelian apatah lagi oleh sektor swasta.

"Lazimnya, keputusan komersial tidak dimasukkan dalam perjanjian antara kerajaan, kerana ia boleh menjejaskan kebebasan pasaran dan prinsip persaingan sihat."

"Jika Malaysia diminta membuat komitmen sedemikian, wajarlah ditanya adakah AS turut berjanji membeli lebih banyak produk Malaysia?"

"Jika tidak, maka jelas perjanjian ini bukan lagi bersifat timbal balas, tetapi menyerlahkan ketidakseimbangan kuasa yang perlu diperhalusi sebelum ia menjadi beban ekonomi jangka panjang," tegasnya.